

U 8085 DEB

PBS

(1)

KUALA LUMPUR, 17 OGOS (BERNAMA) -- BARISAN NASIONAL MENANGGUHKAN KEPUTUSANNYA MENGENAI PERMOHONAN PARTI BERSATU SABAH (PBS) UNTUK MENYERTAI GABUNGAN 11 BUAH ANGGOTA PARTI ITU.

PENGERUSINYA, PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERITAHU SIDANG AKHBAR SELEPAS MESYUARAT DUA JAM SETENGAH MAJLIS ITU BAHAWA MASANYA BELUM SESUAI UNTUK MEMBINCANGKAN PERMOHONAN ITU.

PBS MENGEMUKAKAN PERMOHONAN UNTUK MENYERTAI BN SETELAH MENEWASKAN PARTI KOMPONEN BN, BERJAYA, DALAM PILIHANRAYA NEGERI SABAH ARPIL LALU, OLEH PRESIDENNYA, DATUK PAIRIN KITIGAN KETIKA MENGUNJUNGI TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGUMUMKAN NAMA-NAMA PENERUSI BN NEGERI BAGI TEMPOR 1985/87.

SELAIN PEMILIHAN MENTERI BESAR KEDAH DATUK PADUKA OSMAN AROFF DAN PRESIDEN BERJAYA YANG BARU DIPILIH DATUK MOHAMED NOOR MANSOOR, MENTERI-MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI LAIN DIPILIH SEMULA MENGETUAI NEGERI MASING-MASING. -- BERNAMA

1555MST 17 08 85